

Seksualiti Merdeka: PERKASA berdemo di masjid

Malaysiakini.com

November 4, 2011

by Abdul Rahim Sabri

Sekumpulan umat Islam mengadakan perhimpunan selepas solat Jumaat di Kuala Lumpur bagi menyatakan perasaan tidak senang terhadap usaha penganjuran program kontroversi "Seksualiti Merdeka".

NONE Bagaimanapun, jumlah kehadirannya tidak memberangkangkan apabila hanya kira-kira 30 orang hadir dalam perhimpunan ringkas 10 minit di perkarangan Masjid Negara.

Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Khalid Abu Bakar semalam mengisytiharkan pengharaman terhadap semua aktiviti penganjur 'Seksualiti Merdeka' yang dijadualkan antara 9 hingga 13 November ini.

Mereka mengangkat poster bantahan bertulis "Semua Agama Tolak Seks Sejenis", "Haramkan Sahaja Majlis Peguam" dan "Jabatan Agama Islam Perlu Bertindak Tegas".

Sementara itu, dalam ucapannya, Ketua Wira PERKASA Irwan Fahmi Ideris menyeru semua pihak menentang "kejahilan" gerakan hak asasi manusia.

"Sokongan kepada gay dan lebiisan bakal merosakkan negara kita," katanya.

'Jihad nyahkan petualang'

Mengulas pendirian Majlis Peguam yang dilihat menyokong program itu, Irwan mendakwa terdapat peguam yang melanggar perundangan negara dan melakukan perkara batil.

Manakala seorang anggota PERKASA Shahbudin Embun turut tampil berucap mengajak umat Islam berjihad untuk memastikan "petualang bangsa" dinyahkan.

"Gejala Kuning, lesbian dan mungkar ini adalah hak (kita) berjuang hingga darah terakhir," katanya disambut laungan takbir.

NONE Selesai berhimpun, kumpulan itu berjalan ke pejabat Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) berdekatan masjid itu bagi menyerahkan memorandum menggesa tindakan mahkamah diambil untuk menyekat program sebegitu daripada berulang.

Memorandum itu diserahkan oleh Timbalan Presiden PERKASA Datuk Abdul Rahman Bakar kepada Pengarah JAWI Datuk Che Mat Che Ali di pejabatnya kira-kira jam 2 petang ini.

"Kami percaya pihak tuan sebagai satu badan yang dibentuk di bawah undang-undang bagi mengawal selia segala hal berkaitan dengan agama Islam dan orang Islam, mempunyai locus standi bagi membawa prosiding ke mahkamah," memorandum itu dipetik.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/180513>